

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN BIL. 1 TAHUN 2014

INVENTORI KERAJAAN ASAS AKRUAN

1. TUJUAN

1.1 Garis panduan ini bertujuan memberi pemahaman berkaitan inventori dalam pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) 12 – Inventori dan MPSAS 27 – Pertanian.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang sedang berkuatkuasa, inventori merupakan aset alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM1,000 setiap satu dan tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual. Aset-aset lain iaitu perabot, hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk akan diklasifikasikan sebagai inventori tanpa mengira harga perolehan.

2.2 Manakala dalam perakaunan akruan, definisi, pengiktirafan dan pengukuran inventori adalah berbeza daripada inventori di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

3. INVENTORI DALAM ASAS PERAKAUNAN AKRUAN

3.1 Definisi

3.1.1 Menurut MPSAS 12, inventori adalah aset:

- i) dalam bentuk barangan atau bekalan untuk digunakan dalam proses pengeluaran;
- ii) dalam bentuk barangan atau bekalan untuk digunakan atau diedarkan dalam penyampaian perkhidmatan;
- iii) dipegang untuk dijual atau diedarkan dalam operasi biasa; atau
- iv) dalam proses pengeluaran untuk dijual atau diedarkan.

Di antara contoh inventori adalah:

- Bekalan pertahanan dan penguatkuasaan (contoh: peluru).
- Bekalan dan bahan perubatan.
- Alat ganti/penyelenggaraan untuk hartanah, loji dan peralatan.

3.1.2 Semua barang luak (*consumables*) seperti alatulis dan fail yang digunakan bagi tujuan pentadbiran sesuatu pejabat tidak perlu diambil kira sebagai inventori dan hendaklah terus diiktiraf sebagai belanja.

3.2 Had Nilai Inventori

3.2.1 Pengiktirafan inventori adalah tertakluk kepada had nilai minimum baki akhir tahun barangan dan bekalan bernilai RM1 juta (Ringgit Malaysia Satu Juta) dan ke atas bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) tanpa mengira jenis/item.

3.2.2 Bagi menentukan baki awal inventori sesebuah PTJ, PTJ tersebut hendaklah mengambil kira arah aliran (*trend*) setiap baki akhir tahun inventori yang bernilai RM1 juta dan ke atas bagi 3 tahun ke belakang berturut-turut.

3.2.3 Sekiranya PTJ telah memenuhi syarat seperti para 3.2.1 dan para 3.2.2, maka barangan dan bekalan tersebut akan diakaunkan sebagai inventori bagi tahun-tahun berikutnya.

3.3 Pengukuran Inventori

3.3.1 Kaedah pengukuran inventori adalah berdasarkan nilai bawaan yang ditentukan seperti berikut:

a) Terendah antara kos dan nilai realisasi bersih

Inventori hendaklah diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih; atau

b) Terendah antara kos dan kos penggantian semasa

Inventori hendaklah diukur pada nilai terendah antara kos dan kos penggantian semasa sekiranya inventori tersebut dipegang bagi tujuan:

- i) diedarkan secara percuma atau dijual pada harga nominal; atau
- ii) digunakan dalam proses pembuatan barang yang akan diedar secara percuma atau dijual pada harga nominal.

Bagi inventori yang diperolehi daripada urusniaga bukan pertukaran (contoh: percuma atau hadiah), kos inventori tersebut ditentukan berdasarkan kepada nilai saksama inventori tersebut pada tarikh ia diperolehi.

3.3.2 Kos Inventori

Kos inventori terdiri daripada:

- i) Kos pembelian – termasuk harga pembelian, duti import dan lain-lain cukai serta kos pengangkutan, kos pengendalian dan lain-lain kos yang terlibat secara langsung semasa perolehan inventori, setelah ditolak diskaun perniagaan dan rebat atau item lain yang serupa (jika ada).
- ii) Kos penukaran – kos langsung dan kos *overhead* tetap.
- iii) Lain-lain kos yang dikenakan dalam membawa inventori kepada keadaan dan lokasi semasa.

Kos inventori tidak termasuk perbezaan pertukaran asing dan kos jualan. (Rujuk MPSAS 4: Kesan Daripada Perubahan Dalam Kadar Pertukaran Asing).

3.3.3 Pengiraan Baki Akhir Inventori

Nilai baki akhir tahun inventori dikira menggunakan kaedah purata wajaran berdasarkan nilai bawaan inventori bagi tahun berkenaan.

Contoh pengiraan:

	Unit Belian/Jualan		Baki Inventori	Kos Sebenar per Unit (RM)	Jumlah Kos Sebenar (RM)
Baki awal Inventori	150		150	10.00	1,500.00
Januari:					
Belian	100		250	8.00	800.00
Jualan/ edaran		80	170		
Februari:					
Belian	50		220	11.00	550.00
Jualan/ agihan		100	120		
JUMLAH	300	180			2,850.00

Nilai baki akhir inventori:

Kos per unit inventori = $\text{RM}2,850 \div 300 \text{ unit} = \text{RM}9.50$

Amaun nilai baki akhir = $120 \text{ unit} \times \text{RM}9.50 = \text{RM}1,140.00$

3.4 Pengiktirafan Inventori Sebagai Belanja

3.4.1 Nilai bawaan inventori akan diiktiraf sebagai belanja apabila sesuatu inventori dijual, ditukar atau diedar.

3.4.2 Jika inventori diedar secara percuma, maka nilai bawaan inventori akan diiktiraf sebagai belanja apabila barangan dan bekalan diedar atau perkhidmatan disampaikan.

3.4.3 Nilai bawaan inventori juga akan diiktiraf sebagai belanja sekiranya berlaku penurunan nilai inventori atau kehilangan dan hapuskira.

4. PEMAKAIAN

Semua Kementerian perlu mengguna pakai garis panduan ini dalam mengurus dan merekod inventori selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan.

Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh diajukan kepada :

Pengarah
Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 4, No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
62594 PUTRAJAYA

Tel : 03-88821018
Emel: helpdesk.akruan@anm.gov.my